

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : RUMAH SELANGORKU**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Projek Rumah Selangorku kurang sambutan terutamanya jenis B, C dan D yang dibina di kawasan luar bandar. Apakah usaha yang akan dilakukan demi meningkatkan sambutan rakyat terhadap projek-projek Rumah Selangorku ini?

**JAWAPAN:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0) telah mensyaratkan malah menggalakkan kepada pemaju untuk membina lebih banyak Rumah Selangorku jenis bertanah seperti teres atau sekurang- kurangnya Rumah Bandar, ianya mampu menarik minat / sambutan daripada pembeli terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar berbanding Rumah Selangorku jenis berbilang tingkat (Pangsapuri).

Selain itu, bagi meningkatkan sambutan rakyat terhadap projek Rumah Selangorku terutamanya jenis B, C dan D yang dibina di kawasan luar bandar, beberapa usaha-usaha sedang dan telah dibuat melalui pendekatan seperti berikut ;

- i) Mempromosikan / menyebarkan projek-projek Rumah Selangorku supaya diketahui oleh rakyat jelata melalui media cetak dan media elektronik.
- ii) Mengadakan program-program penawaran Rumah Selangorku secara terbuka dan terus setelah penawaran berdasarkan merit dibuat bagi mempercepatkan urusan pembelian Rumah Selangorku.
- iii) Mengadakan program Pameran Hartanah Negeri Selangor setiap tahun khususnya untuk mempromosikan projek-projek Rumah Selangorku.
- iv) Memaklumkan / memanjangkan kepada semua Jabatan Kerajaan / Agensi Kerajaan supaya kakitangan kerajaan boleh mengakses /

mendapatkan maklumat berkenaan projek-projek Rumah Selangorku sekaligus dapat membeli unit-unit rumah tersebut.

- v) Memaklumkan / memanjangkan kepada semua pejabat-pejabat ADUN berkenaan projek-projek Rumah Selangorku khususnya bagi baki unit-unit yang masih kosong / tidak terjual untuk diwar-warkan atau disebarluaskan kepada penduduk-penduduk di kawasan ADUN masing-masing supaya mereka mengetahui akan kewujudan projek-projek Rumah Selangorku seterusnya dapat membeli unit rumah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEMUTIHAN RUMAH IBADAT HARAM**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memutihkan rumah-rumah ibadat haram yang berselerak dan serta menetapkan SOP aktiviti di dalam rumah ibadat ini?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMK ke 6/2008 yang diadakan pada 30 April 2008 telah menimbang dan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam. Jawatankuasa ini berperanan mengadakan dialog dengan persatuan-persatuan agama bukan Islam dan akan meneliti inventori-inventori rumah-rumah keagamaan bukan Islam. Jawatankuasa ini kemudiannya dikenali sebagai Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam. Jawatankuasa ini turut berperanan menyelesaikan masalah pada isu-isu mengenai tanah dan bangunan rumah ibadat selain Islam dalam negeri Selangor. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya 6 kali setahun atau setiap 2 bulan sekali bagi membincangkan hal ehwal selain Islam.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited menyediakan tapak kemudahan ibadat yang kondusif dengan memastikan setiap pembangunan baru perlu menyediakan kemudahan-kemudahan mengikut Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua).

Dalam pada itu, Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang turut dianggotai oleh agensi-agensi teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah & Daerah Negeri Selangor, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain agensi yang berkenaan akan bermesyuarat dan mempertimbangkan bagi status Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) yang terletak di atas tanah kerajaan sama ada diwartakan atau dipindahkan.

Bagi RISI yang dibina sebelum tahun 2008 akan dipertimbangkan untuk dikekalkan atau diberikan tapak ganti berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti kewujudan tapak kosong yang bersesuaian, usia RISI, bilangan penganut,

keperluan setempat dan faktor-faktor yang bersesuaian tertakluk kepada pendirian agensi teknikal yang berkenaan.

Bagi pembangunan baru tapak rumah ibadat, kerajaan negeri akan memastikan semua pembangunan adalah berdaftar dengan mengemukakan permohonan merancang selaras dengan keperluan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Bagi rumah-rumah ibadat yang didirikan tanpa kebenaran, Kerajaan Negeri menggunakan Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan ke Atas Rumah Ibadat Selain Islam dan Tempat Penyembahan Dibina Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor yang berkuatkuasa sejak 1 Februari 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PBT**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik ADUN kawasan menjadi penasihat kepada Majlis Daerah di kawasan adun masing-masing?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melantik ADUN kawasan menjadi penasihat kepada PBT di kawasan DUN masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meminta semua PBT untuk mengadakan sesi *engagement* atau mesyuarat bersama ADUN dan Ahli Parlimen termasuk dari pihak pembangkang sebanyak 4 kali setahun. Keputusan ini dibuat agar komunikasi dua hala antara PBT dan wakil rakyat dilaksanakan bagi memberi ruang yang lebih terbuka dalam melontarkan pendapat dan idea. Oleh yang demikian, melalui platform tersebut, setiap ADUN boleh memainkan peranan dalam memberi teguran atau nasihat kepada PBT berkenaan bagi memastikan pembangunan kawasan DUN masing-masing terkawal dan sejahtera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini pelajar UNISEL mengikut fakulti?
- b) Berapakah kos operasi UNISEL setahun berbanding jumlah pendapatan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah terkini pelajar UNISEL mengikut fakulti adalah seperti berikut :

<b>FAKULTI</b>	<b>BILANGAN PELAJAR</b>
Selangor Business School	26
Pusat Pengajian Asasi & Umum	595
Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Perkomputeran	1773
Fakulti Pendidikan & Sains Sosial	3316
Fakulti Kejuruteraan & Sains Hayat	1500
Fakulti Perniagaan & Perakaunan	4118
<b>JUMLAH</b>	<b>11328</b>

- b) Bagi tahun 2018, Jumlah Pendapatan Keseluruhan adalah sebanyak RM111 juta berbanding Kos Operasi berjumlah RM109 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH AGAMA ( SRA ) SUBANG BISTARI  
SEKSYEN U5 SHAH ALAM**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status tapak SRA tersebut seperti yang di janjikan oleh kerajaan?

**JAWAPAN:**

a) Tapak SRA Subang Bestari U5 telah ***diwartakan*** pada 9 Disember 2008. Butiran bagi tapak tersebut adalah seperti berikut:-

Daerah: Petaling

Mukim: Sungai Buloh

No. PA: 93356

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : RANCANGAN PERTANIAN HULU LANGAT**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pertanian di Daerah Hulu Langat?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pertanian negeri Selangor telah merancang pembangunan pertanian melalui skop sedia-ada dengan memperkasa semula program dan aktiviti dengan:-

**1. Pembangunan dusun buah-buahan**

Daerah Hulu Langat mempunyai dusun-dusun lama dan mempunyai potensi dimajukan dengan penanaman pelbagai varieti durian seperti Musang King (D197), Bukit Merah (D24), Hajah Asmah (D168), Tanaman nangka Tekam Yellow (J33) dan lain-lain tanaman dengan klon atau varieti yang bernilai tinggi serta memenuhi permintaan pasaran. Projek dibangunkan melalui pendekatan secara berkelompok ataupun secara komersil. Permohonan insentif atau bantuan meningkat pada setiap tahun bagi memajukan projek tanaman dusun buah-buahan sama ada projek baru ataupun dusun lama. Seluas 188.3 hektar kawasan dusun telah diberi bantuan oleh Jabatan Pertanian.

**2. Pembangunan Tanah terbiar**

Program ini terbuka kepada pemohon untuk menyertai projek pembangunan tanah terbuka dengan syarat kelayakan tanah minima seluas 2 ha untuk menjalankan pelbagai projek tanaman makanan seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, herba, tanaman kontan dan lain-lain. Seluas 45 hektar kawasan tanah terbiar telah dibangunkan di daerah Hulu Langat.

**3. Pembangunan Projek Fertigasi**

Pembangunan projek fertigasi rock melon, cili, timun dan pelbagai tanaman dapat menarik minat usahawan muda menceburi bidang pertanian. Permintaan rock melon dan cili dipasaran serta penggunaan teknologi terkini berupaya menarik golongan muda menceburi bidang ini secara meluas dan penggunaan tanah yang



maksima. Bagi tujuan ini, pembangunan projek fertigasi di Hulu Langat telah mencapai keluasan 23 hektar.

#### **4. Pembangunan tanaman bunga-bunga dan hiasan**

Pembangunan industri hiasan dan bunga-bunga berpotensi dimajukan berdasarkan permintaan pasaran. Kemujudan taman perumahan dan pembangunan lain meningkatkan peluang-peluang perniagaan kepada usahawan yang mengeluarkan tanaman hiasan atau landskap. Sebanyak 13 peserta industri bunga-bunga dan tanaman hiasan telah dibangunkan.

#### **5. Pembangunan industri cendawan**

Peningkatan permintaan pasaran cendawan mewujudkan peluang dalam mengusahakan cendawan secara komersil. Pelbagai jenis penghasilan cendawan diusahakan oleh pengusaha dengan menggunakan teknologi moden serta penghasilan yang tinggi beserta potensi pasaran yang ada. Penggunaan bangunan atau tanah yang minima mampu menjana pendapatan usahawan dalam bidang ini.

#### **6. Pembangunan TKPM**

Terdapat 2 Taman Kekal Pengeluaran Makanan Hulu Langat iaitu TKPM Semenyih dan TKPM Batang Si. TKPM Semenyih berkeluasan 38 ha terdiri daripada 8 peserta manakala TKPM Batang Si berkeluasan 58 ha diusahakan oleh 13 peserta. Tanaman utama nangka, belimbing dan cendawan diusahakan disamping tanaman lain iaitu sayur-sayuran dan tanaman kontan.

#### **7. Ladang organik**

Terdapat 3 buah ladang organik dibangunkan di daerah Hulu Langat. Jabatan Pertanian sentiasa berusaha meningkatkan penglibatan petani dalam ladang organik bagi menjamin kualiti produk, mengurangkan penggunaan bahan kimia merbahaya dan meningkatkan pendapatan petani.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : UJIAN 5G DI SELANGOR**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor adalah antara 4 negeri yang diberi peluang untuk memulakan ujian 5G di Malaysia. Apakah penglibatan Kerajaan Negeri dalam projek "Fibrerisation" tersebut?
  
- b) Apa jenis projek yang akan diuji di Negeri Selangor dan khasnya di MPSJ, dan manfaatnya kepada rakyat?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah membentuk sebuah Jawatankuasa Infrastruktur Digital dengan syarikat-syarikat telekomunikasi. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan melalui Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, yang dipengerusikan oleh YB Ir. Izham Bin Hashim, SMARTSEL dan SSDU telah dilantik mewakili Kerajaan Negeri Selangor sebagai penasihat teknikal dalam jawatankuasa tersebut. Di antara objektif penubuhan jawatankuasa tersebut adalah untuk menyelaras dan mengkoordinasikan pembangunan infrastruktur digital di Selangor, termasuklah pelan "Fibrerisation" dan ujian 5G di Malaysia, terutamanya di Negeri Selangor.
  
- b) Perincian jenis projek, pemilik projek dan impak adalah berdasarkan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ("*Presentation-on-5G-Demonstration-Projects.pdf*" dan "*Press-Release\_5G-Malaysia-Demonstration-Projects.pdf*" dilampirkan). Rumusan daripada dokumen tersebut, penglibatan Negeri Selangor di dalam ujian 5G adalah terdiri daripada empat (4) guna kes (*use case*) iaitu:

Penjagaan Kesihatan Digital  
Pendidikan  
Hiburan dan Media  
Bandar Pintar

Manakala (5) kawasan yang telah ditentukan ialah:

5G OpenLab @Rekaspace, Cyberjaya  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam  
Subang Jaya (SS15, SS14 dan SS18)  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)  
Gamuda Cove, Dengkil



Pihak Kerajaan Negeri melalui SMARTSEL sedang menjalankan perbincangan dan kajian bersama-sama 5G Openlab di bawah Cyberview Sdn Bhd berkenaan keberkesanan dan daya maju (*viability*) projek-projek turus 5G terhadap komuniti dan perusahaan di Negeri Selangor. Di antara manfaat yang dapat dinikmati oleh Rakyat Negeri Selangor, melalui ujian 5G termasuklah:

CCTV dan Lampu Trafik pintar yang dirancang untuk melancarkan aliran trafik di bandar-bandar,

Tele-Perubatan Perubatan digital (*Telemedicine*) yang dicadangkan dapat mempercepat penyampaian perkhidmatan perubatan,

Perkhidmatan *Virtual/Augmented Reality (VR, AR)* dan eKelas yang dirangka akan merangsangkan pembelajaran dan pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENINGKATAN STATUS PBT**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu MPAJ mencapai status bandaraya?

**JAWAPAN:**

- a) Sebarang usaha atau cadangan menaik taraf PBT kepada Majlis Bandaraya hendaklah mengambil kira kepatuhan sebelas (11) kriteria asas seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bilangan 4 Tahun 2008. Dalam masa yang sama, peruntukan seksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) membenarkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berunding dengan Menteri untuk menukar taraf sesuatu PBT. Oleh yang demikian, dalam membantu MPAJ dinaiktaraf sebagai sebuah Majlis Bandaraya, Kerajaan Negeri akan memastikan dahulu MPAJ bersedia dan telah mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh KPKT. Kerajaan Negeri juga akan memastikan perkhidmatan dan pengurusan yang diberikan oleh PBT ini dipertingkatkan serta mengamalkan sistem tadbir urus yang cekap dan yang baik.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **11 Kriteria Naik Taraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) daripada Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya**

#### **Kriteria 1:**

PBT itu harus meliputi kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri.

#### **Kriteria 2:**

Mempunyai penduduk tidak kurang daripada 500,000 orang.

#### **Kriteria 3:**

Mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mapan (*fiscally sustainable*) dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta serta mampu mengimbangkan perbelanjaan.

#### **Kriteria 4:**

Berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap yang tinggi termasuklah aktiviti kutipan hasil, kelulusan pemajuan pembangunan, penguatkuasaan dan lain-lain fungsi PBT serta mempunyai struktur organisasi yang mantap serta kakitangan yang berkebolehan menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

#### **Kriteria 5:**

Pembangunan bandar yang menekankan kepada pembangunan mapan (*sustainable development*) serta memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setingan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar. Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem *Malaysia Urban Indicator Network* (MURNInet) juga akan diambil kira.

#### **Kriteria 6:**

Pembentukan imej bandar ataupun identiti yang bersesuaian dengan fungsi bandar dan budaya nasional yang melambangkan sejarah dan warisan. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah, budaya dan senibina yang unik serta perlu dipelihara.

#### **Kriteria 7:**

Mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan dan kemudahan menjalankan perniagaan dan perdagangan bagi menarik kemasukan pelabur. Ini termasuklah kemudahan-kemudahan perhotelan bagi menggalakkan kegiatan pelancongan dan

urusan perniagaan. Tumpuan diberikan kepada kepesatan sektor perkhidmatan serta pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berorientasikan pengetahuan\_

Kriteria 8:

Mempunyai pusat institusi pendidikan yang lengkap dengan universiti, kolej, maktab, muzium dan perpustakaan awam.

Kriteria 9:

Pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara-acara sukan dan riadah serta konvensyen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kriteria 10:

Mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam yang mencukupi termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kurang Upaya (OKU). Ini termasuklah kemudahan-kemudahan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalu lintas dan rangkaian jalan raya yang cekap serta perkhidmatan ICT.

Kriteria 11:

Mendapat pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dalam bidang-bidang tertentu sejajar dengan taraf sebagai sebuah bandar raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PROGRAM HARI SUKAN NEGARA**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan berhasrat untuk memberi dana tambahan kepada setiap DUN bagi menjayakan program Hari Sukan Negara yang disambut pada setiap bulan Oktober?

**JAWAPAN:**

- a) Hari Sukan Negara (HSN) diperkenalkan pada tahun 2015 yang disambut pada minggu kedua bulan Oktober setiap tahun dan dilaksanakan secara serentak seluruh Negara. Bermula pada tahun 2019 satu penambahbaikan diadakan dengan mengubah suai program Hari Sukan Negara kepada Bulan Sukan Negara (BSN) bagi memastikan hasrat Kerajaan untuk mencapai objektif Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (sporting nation) menjelang 2020. Pelaksanaan BSN ini dilaksanakan selama sebulan sepanjang bulan Oktober.

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200,000 kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor bagi melaksanakan Program Bulan Sukan Negara di peringkat negeri dan daerah dengan jumlah sasaran penyertaan adalah seramai 960,180 orang. Peruntukan tersebut telah diagihkan bagi pelaksanaan di peringkat Negeri dan 9 daerah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Negeri/Daerah</b>	<b>Peruntukan</b>
1.	Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat Negeri Selangor	65,000
2.	Petaling	27,000
3.	Hulu Langat	20,000
4.	Klang	15,000
5.	Gombak	15,000
6.	Kuala Langat	12,000
7.	Sepang	12,000
8.	Kuala Selangor	12,000
9.	Hulu Selangor	12,000
10.	Sabak Bernam	10,000
<b>JUMLAH</b>		<b>200,00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PERSEDIAAN KERAJAAN BAGI TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2020**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri bagi Tahun Melawat Malaysia 2020?
- b) Daerah Sepang merupakan pintu masuk ke dalam Malaysia. Adakah terdapat perancangan khas untuk membina mercu tanda di kawasan Sepang?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan SOALAN MULUT No. 65 daripada Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (N14 Rawang), No. 132 daripada Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (N01 Sungai Air Tawar) dan No. 150 daripada Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (N 55 Dengkil). Seterusnya SOALAN BERTULIS No. 79 daripada Y.B. Puan Wong Siew Ki (N 27 Balakong) No. 178 daripada Y.B. Datuk Rosni binti Sohar (N 05 Hulu Bernam) berkaitan rancangan pelancongan negeri pada tahun 2020 bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor telah bersedia melalui perancangan strategik promosi pelancongan bagi menyokong kempen Melawat Malaysia 2020 seperti yang berikut:
  - a. Meningkatkan Penyertaan Siri Promosi Pelancongan Dalam dan Luar Negara;
  - b. Penganjuran Program FAM Trip Yang Lebih 'Market-Focused';
  - c. Penganjuran Acara Pelancongan Bertaraf Antarabangsa di Negeri Selangor;
  - d. Memperkasakan Kempen Promosi Pelancongan dan Pengiklanan Pelancongan Negeri; DAN
  - e. Memberi Penekanan Kepada Segmen Pelancongan Fokus

**PERINCIAN STRATEGI:**



- a. Bagi meningkatkan penyertaan siri promosi pelancongan dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor dan UPEN akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan menyertai beberapa siri promosi di luar negara seperti World Tourism Mart (WTM) London, ITB Berlin, Arabian Travel Market (ATM) Dubai, dan beberapa lagi yang akan dikenalpasti oleh pihak MOTAC.
- b. Penyertaan Kerajaan Negeri di peringkat ANTARABANGSA akan lebih memberi fokus kepada strategi B2B (Business to Business) & B2C (Business to Consumer) bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelawat dan pelancong ke negeri Selangor melalui pendedahan, penjualan pakej pelancongan dan kerjasama yang akan dimeterai bersama operator pelancongan di luar negara.

Kerajaan Negeri juga akan memperkasakan “Sales Mission” mengikut pasaran fokus pelancongan Negeri Selangor seperti Jepun, India dan China. Program ini juga akan dipanjangkan kepada pasaran yang baharu seperti Eropah, Timur Tengah dan Australia. Bagi pasaran DOMESTIK pula, penyertaan di dalam program expo promosi seperti MATTA Fair, MITA Fair Program Promosi Jelajah Negeri dan Skuad Kembara Sekolah akan dipergiatkan lagi.

- c. Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Tourism Selangor akan bekerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penggiat industri pelancongan dan kebudayaan di dalam penganjuran FAM Trip bersama media dan operator agensi pelancongan untuk melawat, melihat dan merasai sendiri pengalaman produk pelancongan yang berpotensi di Negeri Selangor. Pendekatan kaedah FAM Trip yang lebih kreatif dan bersahaja dengan penyertaan Media Influencer serta Key Opinion Leader (KOL) diyakini akan memberi liputan, impak dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri secara menyeluruh.
- d. Bagi perancangan tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor turut menyasarkan penganjuran acara pelancongan bertaraf antarabangsa seperti Selangor International Indigenous Art Festival 2020, Malaysia Women Marathon 2020, Selangor TwinCity Marathon 2020, Tourism Selangor Golf Championship 2020, Selangor Raja Muda International Regatta 2020, Golf Open 2020, Retromania Gathering dan Wings of KKB 2020 yang terbukti memberi impak kepada keseluruhan kedatangan pengunjung domestik dan luar negara. Kerajaan Negeri juga akan memberikan sokongan di dalam

penganjuran acara Super GT Malaysia 2020 di SIC Sepang pada 17 & 18 Julai 2020 yang dijangka akan menarik ramai pelancong diperingkat antarabangsa dan rantau Asia Tenggara.

- e. Bagi memastikan impak dan tumpuan industri pelancongan negeri terus dipacu dengan padu dan sistematik, Kerajaan Negeri terus menerus komited dan akan melancarkan kempen Tahun Melawat Selangor 2021 di atas kesinambungan kempen Melawat Malaysia 2020.
- f. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memperkasakan kempen pengiklanan di media cetak dan elektronik di peringkat domestik dan antarabangsa seperti:
  - i. Pengiklanan BILLBOARD 'UNIPOLE' di 5 lokasi strategik termasuk Langkawi, Penang, Melaka, Johor Bharu dan Perak;
  - ii. Pengiklanan DIGITAL OUT OF HOME di tujuh (7) lokasi strategik termasuk KLIA, KLIA2, Kota Kinabalu International Airport, Stesyen Utama ETS dan BTS, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah serta di sepanjang Lebuhraya Persekutuan;
  - iii. Pengiklanan Digital menerusi platform KLIA TV di KLIA dan KLIA2;
  - iv. Pengiklanan di pesawat penerbangan termasuk AIRCRAFT BODY WRAP dan INTERNAL COMPARTMENT WRAP; serta
  - v. Promosi media sosial termasuk Facebook, Instagram, Google, serta WeChat dan Weibo dalam bahasa asing bagi segmen pasaran luar negara.

Perancangan aktiviti promosi ini akan diperincikan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan semasa bagi memastikan kempen promosi pelancongan mempunyai nilai pulangan ROI (Return of Investment) yang tinggi dan berkesan.

- g. Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri telah mengenal pasti beberapa segmen pelancongan yang berpotensi menarik lebih banyak pelancong berkunjung dan melawat ke Negeri Selangor. Antaranya adalah:-
  - I. Pelancongan Sukan Golf
  - II. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan (Medical & Wellness)
  - III. Pelancongan Cruise (Kapal Persiaran Mewah)
- h. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri juga menyasarkan untuk memperkasakan serta menjenamakan Negeri Selangor sebagai pusat

pelancongan golf utama negara dan memberi tumpuan dan sokongan kepada penganjuran kejohanan golf bertaraf antarabangsa.

- i. Kerajaan Negeri juga akan memberi fokus kepada aktiviti promosi pelancongan perubatan dan kesihatan dengan kerjasama MHTC (Malaysia Healthcare Tourism Council) dalam beberapa penganjuran program promosi tempatan mahupun antarabangsa seperti pameran expo pelancongan, FAM Trip dan Majlis Anugerah.
  - j. Selari dengan agenda Klusterisasi Ekonomi Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri akan memberikan fokus terhadap pelancongan pelayaran mewah (Cruise Tourism) yang telah dikenal pasti di bawah Kluster Pelabuhan dan Maritim. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di BCC, Klang pada tahun 2020 yang dijangka akan memberi liputan, pendedahan dan nilai tambah kepada industri pelancongan negeri untuk jangka masa panjang.
- b) Setiap pintu masuk ke daerah Sepang akan dipasang papan tanda sempadan yang akan dilaksanakan secara berperingkat. Bagi Fasa 1, 2 papan tanda telah dibina pada tahun 2018 di sempadan BBST-Nilai dan Puchong-Cyberjaya. Bagi Fasa ke-2 akan dilaksanakan pada tahun 2019 di 7 lokasi sempadan seperti dibawah:-

- 1) Jalan FT5 dari Tanjung Sepat
- 2) Jalan FT5 dari Port Dickson
- 3) Jalan B18 dari Hulu Langat (Southville)
- 4) Jalan E26 (Bangi (LLM) – Lokasi sempadan Sepang / Kajang – IKRAM)
- 5) Jalan FT31 Bukit Changgang
- 6) KLIA (Jalan FT32 dari arah Banting)
- 7) Puchong Uptown (Jln Puchong)

Bagi papan tanda 'Welcoming Entrance', terdapat 3 lokasi pembinaan seperti di bawah:-

- 1) Papan tanda laluan masuk ke Pantai Bagan Lalang
- 2) Papan tanda laluan masuk ke BBST dari Jalan FT32 & B48
- 3) Menaiktaraf laluan masuk, tempat letak kereta & pembinaan papan tanda di Taman Tasik Cyberjaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KESESAKAN JALANRAYA DI LEMBAH KELANG**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi kesesakan lalu lintas jalan-jalan raya di Lembah Klang Selangor?
- b) Sila nyatakan projek-projek mengatasi kesesakan lalu lintas jalan raya yang sedang dan akan dilaksanakan di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.B, Pihak Kementerian Kerja Raya melalui Unit Perancang Jalan sedang melaksanakan Kajian untuk penyediaan Pelan Highway And Development Plan (HNDP) 2030. Pihak JKR Selangor terlibat secara tidak langsung dalam menyediakan maklumat perancangan jalan disekitar Lembah Kelang yang melibatkan rangkaian jalan di Negeri Selangor.
- b) Berikut adalah projek-projek jalan yang sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kesesakan di Negeri Selangor

Bil	Tajuk Projek	Status
1	Menaiktaraf Lebuhraya Pulau Indah (Fasa II)	Pembinaan
2	Projek Menaiktaraf Jalan Pelabuhan Utara Dari Klang Container Terminal (KCT) Ke Northport	Pembinaan
3	Projek Menaiktraf Simpang 4 Dengkil FT29/31	Pembinaan
4	Jambatan Ke 3 Klang ( Fasa 2)	Rekabentuk
5	Projek Menaiktaraf Persimpangan Batu 9, Cheras	Rekabentuk
6	Membina Jalan Dari Kg Ulu Chucuh ke KLIA	Rekabentuk
7	Membina Jalan Sambungan Kota Warisan B20	Pembinaan
8	Menaiktraf Jalan B48 dari Simpang 3 Jenderam ke Pekan Sepang Lama (Pakej A dan B)	Pembinaan
9	Membina Jambatan Di atas Lebuhraya Utara Selatan di Jalan Batu Arang - Bestari Jaya (B27)	Pembinaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kadar perolehan keuntungan bersih aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) bagi tahun 2018?
- b) Berapa banyakkah jumlah yang telah disumbang kepada pendapatan kewangan negeri?
- c) Adakah aktiviti-aktiviti tersebut dilaksanakan proses audit yang terperinci?

**JAWAPAN:**

a)

Bil	Nama Syarikat	Keuntungan selepas Cukai (Syarikat)
		31/12/2018 (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	19,021,285
<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>		
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	(28,296,000)
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	963,000
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	2,745,587
4	Tourism Selangor Sdn Bhd	(326,177)
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	5,114,118
6	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	(509,222)
7	Communication Corporation Sdn Bhd	(370,436)
8	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	(285,154)
9	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	571,635
10	Invest Selangor Berhad	5,040,896
11	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	(39,916)

12	Yayasan Warisan Anak Selangor	76,469
13	Yayasan Hijrah Selangor	2,406,655
14	SRM Setia Sdn Bhd	1,612,978
15	Smartsel Sdn Bhd	(2,582,168)
16	Landasan Lumayan Sdn Bhd	(7,443,057)
17	KDEB Waste Management Sdn Bhd	6,374,662
18	Darul Ehsan Investment Group Berhad	(11,473)
19	SSDU Innovations Sdn Bhd	193,976

- b) Bermula tahun 2019, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Anak Syarikat menyumbang pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, satu tabung amanah telah diwujudkan bagi tujuan tersebut.

Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri dirancang untuk menyumbang sebanyak RM58.65 juta sebagai sumbangan pendapatan Kerajaan Negeri.

Setakat Oktober 2019, sejumlah RM36.55 juta telah disumbangkan. Senarai sumbangan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>JUMLAH SUMBANGAN (RM)</b>
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	15,000,000.00
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	6,600,000.00
3	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	4,500,000.00
4	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	5,000,000.00
5	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB)	500,000.00
6	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	2,800,000.00
7	Worldwide Holdings Berhad (WWHB)	1,500,000.00

8	KDEB Waste Management (KDEBW)	150,000.00
9	Central Spectrum Sdn Bhd	500,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>36,550,000.00</b>

- c) Pengauditan terhadap 2 hingga 3 syarikat GLC dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Selangor (JANNS) dalam tempoh setahun. Sehingga kini, sebanyak 38 syarikat GLC telah diaudit oleh JANNS sejak tahun 2008.

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek Tadbir Urus Korporat, Pengurusan Aktiviti dan Prestasi Kewangan syarikat dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarikat telah diurus dan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai tiga (3) aspek tersebut adalah seperti berikut :

1. Tadbir Urus Korporat

Pengauditan tadbir urus korporat dijalankan dengan menilai aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan, Setiausaha Syarikat, Rancangan Korporat/Pelan Strategik/Petunjuk Prestasi Utama, Standard Operating Procedure (SOP), Jawatankuasa Audit, Fungsi Audit Dalaman, Jawatankuasa Imbuan, Jawatankuasa Pencalonan dan Pengurusan Kewangan.

2. Pengurusan Aktiviti

Pengauditan bagi pengurusan aktiviti/program dijalankan terhadap aktiviti utama dan sub aktiviti yang dipilih bagi memastikan pengurusan aktiviti/program telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif penubuhan syarikat.

3. Prestasi kewangan

Analisis prestasi kewangan bertujuan menilai prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat bagi tempoh 3 tahun terhadap penyata kewangan beraudit. Penilaian dibuat melalui analisis bajet, analisis pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis asset dan liability serta analisis nisbah kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : ISU SISA ELEKTRONIK (E-WASTE)**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada sisa plastik dan dasar bebas plastik, kita juga menghadapi lambakan sisa elektronik yang mengandungi logam berat dan bahan toksik. Apakah strategi, dasar dan langkah-langkah yang ada untuk memastikan sisa-sisa elektronik ini dilupuskan dengan cara yang mesra alam sekitar?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, "E-waste" adalah perkakas elektronik elektrik yang rosak, tidak berfungsi atau lama / usang seperti TV, PC, penghawa dingin, mesin basuh dan peti sejuk. Bagi "e-waste" yang berpunca dari industri perkilangan, ianya dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Buangan Terjadual) 2005 di mana pengurusannya perlu mengikut peraturan tersebut daripada penghasilan hingga ke pelupusannya.

Manakala bagi e-waste yang dihasilkan daripada isi rumah, ianya digalakkan untuk dilupuskan di pusat-pusat kitar semula yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta. E-waste yang dikumpulkan di pusat kitar semula akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Peraturan mengenai kawalan ke atas e-waste isi rumah ini sedang dirangka oleh JAS.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, di Malaysia e-waste disenaraikan sebagai buangan terjadual mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi buangan e-waste yang dihasilkan dari industri perkilangan ianya akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS. Di Negeri Selangor terdapat sebanyak 21 premis pemerolehan kembali yang dilesenkan untuk mengendalikan buangan e-waste secara separa dan 2 premis menjalankan kemudahan pemerolehan kembali e-waste secara penuh.

Sistem pelupusan buangan sisa elektrik (e-waste) yang diamalkan di Selangor pada masa ini bagi e-waste dari isi rumah adalah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta. Setiap PBT telah mengenalpasti Pusat Kitar Semula di kawasan masing-masing, di mana Pusat Kitar Semula ini akan



bertindak sebagai pusat pengumpulan (collection center) bagi buangan e-waste yang diterima daripada orang ramai. Buangan e-waste ini kemudian akan diambil oleh premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan kitar semula

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PELANCONGAN KESIHATAN**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pelaburan Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan kesihatan yang semakin mendapat sambutan serta usaha yang dijalankan dengan pihak kementerian?

**JAWAPAN:**

- a) **Seperti berikut:-**

**1. Jumlah Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Sektor Pelancongan Kesihatan**

Untuk Tahun 2019, tiada peruntukan spesifik bagi Pembangunan Pelancongan Kesihatan. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 3.5 juta untuk menjalankan acara dan program promosi pelancongan secara keseluruhan sepanjang Tahun 2019, berdasarkan pelbagai kaedah yang dilaksanakan bagi mempromosikan produk-produk pelancongan termasuk produk pelancongan kesihatan di Negeri Selangor.

**2. Potensi dan usaha yang telah dijalankan bagi mempromosikan dan meningkatkan pembangunan produk pelancongan kesihatan di Negeri Selangor**

Untuk makluman, Negeri Selangor merupakan hub pelancongan kesihatan terbesar dengan 17 buah hospital pakar persendirian yang mempunyai pelbagai kepakaran khusus dan fasiliti teknologi perubatan terkini. Menurut sumber daripada Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), statistik pelancongan kesihatan di Negeri Selangor mencatatkan hasil kutipan keuntungan resit perbelanjaan berjumlah RM 239.60 Billion pada tahun 2018. Manakala dicatatkan jumlah kedatangan pelancong kesihatan seramai 240,100 pelancong yang datang ke Negeri Selangor bagi mendapatkan rawatan kesihatan pada tahun 2018. Terdapat pertumbuhan positif pada graf kedatangan pelancong dan juga resit perbelanjaan iaitu 13% berbanding tahun 2015.

Berdasarkan potensi pasaran pelancongan kesihatan yang semakin berkembang pesat di Negeri Selangor, pihak Tourism Selangor telah dan akan mengambil inisiatif bagi menggerakkan usaha-usaha mempromosikan sektor pelancongan kesihatan seperti berikut :-

- 1) **Penganjuran program ‘Malindo Air And China Travel Agent Fam Trip 2019’** dengan kerjasama Malindo Air, MHTC dan Tourism Selangor membawa Seramai 13 agensi pelancongan dan media daripada China yang memfokuskan produk pelancongan kesihatan di Negeri Selangor.
- 2) **Penyertaan Program Persidangan Pelancongan ‘INSIGHT’ 2019** yang merupakan persidangan pelancongan kesihatan terbesar di Kuala Lumpur anjuran Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) pada 24 – 25 September 2019 bertempat di Four Seasons Hotel, Kuala Lumpur.
- 3) **Cadangan Penganjuran Program Persidangan Pelancongan ‘INSIGHT’ Tahun 2020** di mana pihak Tourism Selangor meletakkan sasaran untuk melebarkan lagi sayap promosi bagi segmen pelancongan kesihatan dimana persidangan pelancongan kesihatan antarabangsa yang terbesar di Kuala Lumpur akan dianjurkan di Negeri Selangor. Lokasi yang dicadangkan bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre, Subang.
- 4) **Penganjuran program ‘Medical Travel Media Awards’ (MTMA) Tahun 2020** yang merupakan majlis anugerah media pelancongan kesihatan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan dengan kerjasama MHTC.

**Penyertaan Tourism Selangor bagi program Pameran Pelancongan Kesihatan MHEXPO di Indonesia Tahun 2020** yang merupakan siri promosi pelancongan kesihatan yang dianjurkan di 4 buah kota di Indonesia (Jakarta, Surabaya, Palembang & Makasar). Indonesia merupakan pasaran yang terbesar bagi segmen pelancongan kesihatan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KUNCI AIR DI DAERAH KLANG**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Daerah Klang sering kali mengalami banjir kilat akibat hujan lebat. Adakah kerajaan akan berhasrat untuk menambah/naik taraf pintu kunci air supaya air dapat mengalir keluar dari darat ke sungai untuk mengelakkan banjir?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah melaksanakan projek-projek menaiktaraf pintu air serta pemasangan pam berkapasiti tinggi di sebahagian besar pintu-pintu air di Daerah Klang.

Pintu air dinaiktaraf bagi tujuan mengawal dan mengelakkan air pasang tinggi masuk ke kawasan perumahan penduduk bagi mengatasi masalah banjir kilat dan ketika musim tengkujuh. Manakala pemasangan pam berkapasiti tinggi yang akan beroperasi bagi mempercepatkan aliran air yang tinggi dari sistem perparitan ke sungai yang akan membantu mengatasi kejadian banjir kilat di daerah Klang.

Senarai projek menaiktaraf dan penggantian pintu air adalah seperti berikut:-

<b>Projek</b>	<b>Status</b>	<b>Kawasan Terlibat</b>
Flap Gate Sg Rasah Di Taman Rashna	Telah siap	Taman Rashna
Pump Gate System Yatch Club di Pelabuhan Klang	Telah siap	Lembaga Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Klang
Telok Gadong	Telah siap	Kg Delek Kanan & Kiri
Jalan Papan	Tarikh siap 24.12.2019	Pandamaran
Sg Keramat	Tarikh siap 11.01.2020	Kg Sementa
Pandamaran	Tarikh siap 20.05.2020	Sentosa dan Bandar Puteri

Senarai projek tebatan banjir dengan skop pemasangan pam berkapasiti tinggi berhampiran pintu air adalah seperti berikut:-

<b>Projek</b>	<b>Status</b>	<b>Kawasan Terlibat</b>
Sg Daun	Telah siap	Kg Sementa
Pelabuhan Klang	Telah siap	Jalan Kem
Sg Kapar Kecil	Tarikh siap 16.06.2020	Pekan Meru, Aman Perdana, Sementa
Tasik Ladam	Tarikh siap 29.11.2019	Kawasan Perindustrian Sg Rasau
Kg Jawa	Tarikh siap 03.03.2020	Kg Jawa, Kg Pandan
Taman Melawis	Dijangka dilaksanakan pada 2020	Taman Melawis

Selain itu, Jabatan ini sentiasa memastikan pintu air sediaada berada dalam keadaan baik dan pam-pam bergerak sediaada dibekalkan ke semua pintu air di daerah Klang agar berfungsi secara optimum untuk menghadapi musim banjir.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : DASAR PERUMAHAN NEGARA (DRN) 2018 -2025**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan objektif-objektif Dasar Perumahan Negara berjalan secara berkesan di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DPN 2018 – 2025) yang diterbitkan pada tahun 2018 telah mengambil contoh serta input- input daripada dasar- dasar perumahan sedia ada di negeri Selangor terutamanya Dasar Rumah Selangorku sebagai panduan dalam merangka DPN tersebut memandangkan Dasar Rumah Selangorku ini wujud lebih awal daripada DPN. Sebagai rujukan Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada tahun 2013 telah mengeluarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 1 Januari 2014 diikuti Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku 2.0) yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 2 April 2018 di mana terdapat beberapa penambahbaikan ke atas dasar Rumah Selangorku yang dikeluarkan pada tahun 2013 tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dalam merangka sesuatu dasar. Sesuatu dasar yang akan dibuat / dirangka akan turut melibatkan jabatan-jabatan / agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan. Sebagai contoh, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dijemput hadir di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor agar sesuatu keputusan yang dibuat selari dan tidak bercanggah dengan dasar- dasar di peringkat negeri dan persekutuan.

Dasar perumahan di peringkat negeri adalah mempunyai objektif yang sama dengan DPN. Namum begitu, kaedah dan strategi serta pendekatan adalah berbeza mengikut kepada kesesuaian keadaan semasa dan setempat.

Di antara objektif / fokus di dalam Dasar Perumahan Negara (DPN 2018 – 2025) dan Dasar Rumah Selangorku adalah seperti berikut :

1. Aspek permintaan dan penawaran perumahan. Melalui permintaan ini akan dapat memastikan perumahan yang mempunyai permintaan tinggi yang sepatutnya berada di pasaran di samping keupayaan pembeli untuk memiliki rumah sama ada rumah harga kawalan atau rumah harga bebas.
2. Penyediaan perumahan harga kawalan / perumahan mampu milik. Memastikan rumah harga kawalan / rumah mampu milik berada di pasaran.
3. Pengagihan perumahan yang adil dan saksama bagi memastikan mereka yang benar-benar layak dapat membeli rumah harga kawalan dan bukannya untuk tujuan spekulasi hartanah.
4. Aspek interaksi sosial / kejiranan yang baik yang menjadi pemangkin kepada keharmonian dan kesejahteraan di sesuatu kawasan kejiranan.
5. Aspek penyelenggaraan perumahan berkualiti yang mana dapat menjimatkan kos penyelenggaraan dan pengurusan sekaligus dapat mengurangkan beban penduduk terutamanya yang mendiami skim perumahan strata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN OLEH KDEB**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan pekerja terdiri daripada warga asing.adakah pihak KDEB atau kerajaan ada inisiatif untuk menarik minat warga tempatan untuk bekerja dengan insentif tertentu?
  
- b) Meletakkan syarat kuota pekerja tempatan kepada kontraktor yang dilantik oleh KDEB supaya peluang pekerjaan lebih banyak.

**JAWAPAN:**

- a) KDEBWM dan juga pihak sub-kontraktor sentiasa mengalu-alukan pembabitan warga tempatan yang berminat untuk berkhidmat di dalam sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Walaubagaimanapun, realiti sebenar adalah permohonan daripada warga tempatan untuk berkhidmat di dalam industri 3D – *Difficult, Dangerous, Dirty* ini adalah amat rendah.

Berdasarkan rekod, terdapat sub-kontraktor KDEBWM yang menggunakan tenaga kerja warga tempatan khususnya orang asli dan juga bangsa-bangsa yang lain. Walaubagaimanapun, berdasarkan maklumat dan pemerhatian yang telah dibuat, kebanyakan sub-kontraktor KDEBWM yang menggunakan khidmat pekerja warga tempatan ini akan mengalami masalah *high attrition rate* atau kadar pekerja berhenti yang tinggi kerana kebanyakan mereka tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk berkhidmat bermula seawal pagi dalam keadaan berpanas dan berhujan selain bau yang kurang menyenangkan. Mereka juga perlu bekerja 365 hari setahun kerana perkhidmatan KDEBWM adalah pada setiap hari termasuk cuti hujung minggu dan cuti am.

KDEBWM dan juga semua sub-kontraktor yang dilantik sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan mengalu-alukan sekiranya terdapat warga tempatan yang berminat untuk bekerja khususnya sebagai krew kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Warga tempatan yang berminat boleh memohon secara terus kepada mana-mana sub-kontraktor KDEBWM.



- b) Cadangan untuk meletakkan syarat kuota pekerja tempatan adalah satu cadangan yang boleh diperhalusi dengan lebih mendalam.

Walaupun bagaimanapun, sebagaimana yang telah dimaklumkan, isu utama kekurangan penglibatan warga tempatan di dalam sektor kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam ini adalah permohonan daripada warga tempatan untuk berkhidmat di dalam industri 3D – *Difficult, Dangerous, Dirty* ini adalah amat rendah.

Sekiranya syarat kuota ditetapkan dalam keadaan permintaan daripada warga tempatan untuk bekerja di industri ini sendiri juga rendah, ini akan menimbulkan masalah kepada operasi harian kerana jumlah pekerja akan berkurangan disebabkan kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan warga tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : SKIM INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR)**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah skim selepas pensejajaran semula tahun 2019 dan kos keseluruhan skim IPR bagi tahun 2019 sehingga September?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2019, agenda pelaksanaan program-program IPR masih diteruskan dengan pendekatan yang lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan (*empowerment*) kepada para penerima manfaat IPR di Selangor.

Penjajaran IPR telah mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan Persidangan Pengendali Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) pada Februari 2019. Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah diujarkan kepada **33 program** berdasarkan kepada tiga (3) konsep utama seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti sedia ada (merangkumi 18 Program IPR);
- ii) Diteruskan dengan penjajaran secara pindaan, iaitu dari segi pindaan pada perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 15 Program IPR); dan
- iii) Diteruskan dengan penjajaran secara kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR).

(Keterangan lanjut seperti Lampiran I)

Secara keseluruhannya, jumlah dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk semua program IPR pada tahun 2019 adalah berjumlah **RM485,435,000.00**

(Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lapan Puluh Lima Juta Empat Ratus Tiga Puluh Lima Ribu). Peruntukan ini adalah termasuk dengan peruntukan tambahan bagi tahun 2019 iaitu sebanyak **RM123,815,000.00** (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Dua Puluh Tiga Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu).

Jumlah perbelanjaan ke atas pelaksanaan program-program IPR bermula bulan Januari sehingga 30 September 2019 adalah berjumlah **RM212,650,887.69** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Dua Belas Juta Enam Ratus Lima Puluh Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Tujuh dan Enam Puluh Sembilan Sen), iaitu 43.8% daripada jumlah peruntukan yang diterima.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Dari bulan Oktober sehingga Disember 2019, dianggarkan perbelanjaan bagi pelaksanaan program-program IPR adalah sebanyak RM87,483,349.03 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu Tiga Ratus Empat Puluh Sembilan dan Tiga Sen), menjadikan anggaran perbelanjaan sepanjang tahun 2019 berjumlah RM300,134,236.72 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Juta Satu Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Dua Ratus Tiga Puluh Enam dan Tujuh Puluh Dua Sen), iaitu 61.8% daripada jumlah peruntukan tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KUALITI JALAN RAYA**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada meningkatkan perbelanjaan penyelenggaraan jalan di bawah peruntukan MARRIS, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan di ambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pembaikan dan penurapan semula jalan raya?
- b) Adakah spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya akan ditingkatkan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk meningkatkan kualiti pembaikan dan penurapan semula jalan raya, pemantauan kualiti kerja-kerja turapan di Negeri Selangor dilakukan berdasarkan kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* Senggara Jalan yang dikeluarkan oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Berdasarkan kepada SOP tersebut, tindakan-tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut;

- i) Kerja penampalan sementara untuk *potholes* akan dilaksanakan dalam **tempoh 24 jam** apabila ia dikenalpasti dengan menggunakan bahan turapan '*Cold Mix*' supaya keselamatan pengguna terjamin. Penampalan kekal akan dilaksanakan dalam **tempoh 3 hari** dengan menggunakan bahan turapan '*Hot Mix*'.
- ii) Rondaan audit sentiasa dilakukan melibatkan JKR Daerah dan konsesi bagi memantau keadaan jalan sebenar di tapak. Kegagalan pihak konsesi melaksanakan kerja pembaikan di tapak akan menyebabkan pihak konsesi dikenakan NCR dan pemotongan ke atas tuntutan bayaran bulanan untuk kerja penyelenggaraan jalan dilakukan sebagai penalti.

- iii) Bagi mengawal aspek kualiti, JKR Selangor mengambil tindakan dengan melaksanakan audit kuari untuk memastikan campuran *asphalt* yang digunakan adalah mengikut spesifikasi. Kawalan spesifikasi amat penting agar kualiti *asphalt* yang digunakan dapat menjamin ketahanannya mengikut tempoh yang sepatutnya iaitu **7 tahun** bagi kerja senggara jalan sedia ada.
  
- b) Spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya akan sentiasa ditingkatkan dengan mengemaskini *Standard Operating Procedure (SOP)* Senggara Jalan dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan *SOP* yang disediakan menepati kehendak dan keperluan kerja-kerja di tapak. Peningkatan spesifikasi adalah berdasarkan kepada keperluan teknikal di tapak seperti mempelbagai kaedah turapan jalan menggunakan bahan serta teknologi terkini, contohnya penggunaan kaedah *Cold In Place Recycling (CIPR)* yang amat berkesan untuk membaikpulih kerosakan pada struktur jalan.

Kaedah baikpulih dan bahan berteknologi tinggi ini akan diaplikasi untuk kerja-kerja pembinaan / baikpulih jalan setelah ujian terperinci dilakukan ke atas kaedah atau produk berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : Penguatkuasaan Terhadap Waktu Pembukaan Premis Hiburan**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah SOP Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan tiada pusat hiburan yang beroperasi lebih lewat daripada masa yang dibenarkan?
- b) Apakah statistik tindakan kompaun dan notis terhadap premis yang bersalah?
- c) Apakah statistik aduan berkenaan isu ini?

**JAWAPAN:**

- a) Waktu operasi premis hiburan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
  - i) Pusat Hiburan Keluarga (PHK) dari jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam;
  - ii) Pusat Hiburan Istirehat (PHI) dari jam 4.00 petang sehingga 1.00 pagi; dan
  - iii) Pusat Hiburan Awam (PHA) dari jam 4.00 petang sehingga 1.00 pagi.

Antara tindakan yang boleh diambil oleh PBT bagi memastikan tiada pusat hiburan yang beroperasi lebih lewat daripada masa yang dibenarkan adalah:

- i) PBT akan melaksanakan pemantauan, pemeriksaan dan rondaan berjadual untuk memastikan aktiviti yang dijalankan mengikut syarat-syarat kelulusan dan pematuhan yang ditetapkan;
- ii) PBT boleh mengambil tindakan pembatalan lesen premis hiburan;
- iii) Merampas cagaran pematuhan sekiranya pelesen melanggar syarat-syarat lesen hiburan; dan

- iv) Mengenakan kompaun di bawah Seksyen 29(1), Peraturan-Peraturan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996 iaitu menjalankan aktiviti perniagaan melebihi had masa yang ditetapkan maksimum RM1,000.

Soalan b) dan c) dijawab bersekali

<b>PBT</b>	<b>Statistik tindakan notis</b>	<b>Statistik tindakan kompaun</b>	<b>Statistik bilangan aduan</b>
MBSA	-	-	-
MBPJ	-	286	37
MPK	1	4	5
MPAJ	5	5	-
MPSJ	32	35	71
MPS	1	3	2
MPKJ	27	432	-
MPSP	1	-	1
MDKL	-	1	2
MDHS	-	5	-
MDKS	1	8	5
MDSB	1	2	-